

Praktis 5

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

Sintaksis Aros T

- 1 Penduduk Kampung Permai telah mengadakan mesyuarat tentang projek pertanian berkelompok semalam.**
 - A Mesyuarat tentang projek pertanian berkelompok telah diadakan di Kampung Permai semalam.
 - B Semalam mesyuarat tentang projek pertanian berkelompok di Kampung Permai telah diadakan.
 - C Mesyuarat tentang projek pertanian berkelompok telah diadakan oleh penduduk Kampung Permai semalam.
 - D Semalam penduduk kampung itu telah mengadakan mesyuarat tentang projek pertanian berkelompok.
- 2 “Wah, pandai sungguh kamu menggesek biola,” kata Zhang Wei kepada Danish.**
 - A Zhang Wei melarang Danish menggesek biola.
 - B Zhang Wei mengajak Danish menggesek biola.
 - C Zhang Wei meminta Danish menggesek biola.
 - D Zhang Wei memuji kepandaian Danish menggesek biola.
- 3 Kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar diterangkan oleh Cikgu Lukman kepada murid-murid kelas Tingkatan Dua Inovatif.**
 - A Cikgu Lukman menyuruh murid-murid kelas Tingkatan Dua Inovatif menjaga kebersihan alam sekitar.
 - B Hasil penerangan Cikgu Lukman, murid-murid kelas Tingkatan Dua Inovatif mula sedar tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.
 - C Cikgu Lukman menerangkan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar kepada murid-murid kelas Tingkatan Dua Inovatif.
 - D Murid-murid kelas Tingkatan Dua Inovatif menerangkan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar kepada Cikgu Lukman.
- 4 Saksi utama kes penculikan itu menjawab soalan pendakwa raya dengan tenang.**
 - A Pendakwa raya menyoal saksi utama kes penculikan itu dengan tenang.
 - B Soalan pendakwa raya dijawab dengan tenang oleh saksi utama kes penculikan itu.
 - C Soalan tentang kes penculikan pendakwa raya itu dijawab oleh saksi utama dengan tenang.
 - D Soalan saksi utama kes penculikan itu dijawab dengan tenang oleh pendakwa raya.
- 5 Puan Haslinda melarang anaknya melayari media sosial terlalu lama.**
 - A “Jangan melayari media sosial terlalu lama,” kata Puan Haslinda kepada anaknya.
 - B “Tidak ada faedahnya kamu melayari media sosial terlalu lama,” kata Puan Haslinda kepada anaknya.
 - C “Sudah terlalu lama kamu melayari media sosial,” kata Puan Haslinda kepada anaknya.
 - D “Tindakan melayari media sosial terlalu lama hanya merugikan diri kamu,” kata Puan Haslinda kepada anaknya.
- 6 Datuk Wahid meminta setiausahanya menyerahkan dokumen itu kepada Encik Amran.**
 - A “Dokumen ini perlu diserahkan kepada Encik Amran,” kata setiausaha Datuk Wahid.
 - B “Dokumen ini akan saya serahkan kepada Encik Amran,” kata setiausaha Datuk Wahid.
 - C “Tolong serahkan dokumen ini kepada Encik Amran,” kata Datuk Wahid kepada setiausahanya.
 - D “Tolong serahkan dokumen ini kepada Datuk Wahid,” kata Encik Amran kepada setiausahanya.

- 7 Pihak polis telah menahan suspek kes langgar lari itu di rumahnya kira-kira pukul 10:00 pagi semalam.
- A Suspek kes langgar lari itu telah ditahan di rumahnya kira-kira pukul 10:00 pagi semalam.
 - B Suspek kes langgar lari itu telah ditahan di rumah seorang anggota polis kira-kira pukul 10:00 pagi semalam.
 - C Kira-kira pukul 10:00 pagi semalam, suspek kes langgar lari itu telah ditahan di rumahnya oleh pihak polis.
 - D Kira-kira pukul 10:00 pagi semalam, suspek kes langgar lari anggota polis itu telah ditahan di rumahnya.
- 8 “Jemputlah datang ke majlis perkahwinan abang saya pada hari Sabtu ini,” kata Aqila kepada Sanjana.
- A Aqila mempelawa Sanjana datang ke majlis perkahwinan abangnya pada hari Sabtu ini.
 - B Aqila menyuruh abangnya pergi ke majlis perkahwinan Sanjana pada hari Sabtu ini.
 - C Sanjana meminta Aqila datang ke majlis perkahwinan abangnya pada hari Sabtu ini.
 - D Sanjana memberitahu Aqila tentang majlis perkahwinan abangnya pada hari Sabtu ini.
- 9 Perdana Menteri Thailand akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia tidak lama lagi.
- A Lawatan rasmi ke Thailand akan diadakan oleh Perdana Menteri Malaysia tidak lama lagi.
 - B Lawatan rasmi ke Malaysia akan diadakan oleh Perdana Menteri Thailand tidak lama lagi.
 - C Perdana Menteri itu akan mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia tidak lama lagi.
 - D Perdana Menteri itu akan mengadakan lawatan rasmi ke Thailand tidak lama lagi.
- 10 Nama olahragawan dalam temasya sukan tahunan di sekolah kami telah diumumkan oleh Cikgu Hanafi sebentar tadi.
- A Nama olahragawan dalam temasya sukan tahunan di sekolah Cikgu Hanafi telah kami umumkan sebentar tadi.
 - B Nama olahragawan dalam temasya sukan tahunan di sekolah itu akan diumumkan oleh Cikgu Hanafi sebentar lagi.
 - C Cikgu Hanafi akan mengumumkan nama olahragawan dalam temasya sukan tahunan di sekolah kami sebentar lagi.
 - D Cikgu Hanafi telah mengumumkan nama olahragawan dalam temasya sukan tahunan di sekolah kami sebentar tadi.
- 11 Raisya bertanyakan sebab Kumar tidak menyertai aktiviti perkhemahan di Kuala Selangor.
- A “Adakah kamu akan menyertai aktiviti perkhemahan di Kuala Selangor?” tanya Raisya kepada Kumar.
 - B “Bilakah kamu akan menyertai aktiviti perkhemahan di Kuala Selangor?” tanya Raisya kepada Kumar.
 - C “Berapa lamakah kamu akan menyertai aktiviti perkhemahan di Kuala Selangor?” tanya Raisya kepada Kumar.
 - D “Mengapakah kamu tidak menyertai aktiviti perkhemahan di Kuala Selangor?” tanya Raisya kepada Kumar.
- 12 Saman telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan terhadap beberapa orang pengusaha kedai makan di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.
- A Baru-baru ini, pihak berkuasa tempatan telah mengeluarkan saman terhadap beberapa orang pengusaha kedai makan di Petaling Jaya, Selangor.
 - B Baru-baru ini, pihak berkuasa tempatan telah mengeluarkan saman terhadap semua pengusaha kedai makan di Petaling Jaya, Selangor.
 - C Pihak berkuasa tempatan telah mengeluarkan beberapa saman terhadap pengusaha kedai makan di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.
 - D Pihak berkuasa tempatan telah mengeluarkan saman terhadap beberapa orang pelanggan kedai makan di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.